

K. P.U. 9.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(Akta 133)

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TEMPAT-TEMPAT LETAK
KERETA) (MAJLIS DAERAH KULIM) 1995

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Tempat letak kereta hendaklah disediakan.
4. Kehendak-kehendak minimum.
5. Sumbangan kewangan sebagai ganti peruntukan tempat letak kereta.
6. Tempat letak kereta tidak boleh dihalang, dikurang, ditukar atau dibina di atasnya.
7. Penempatan.
8. Luasan lantai yang tidak dikira dalam menentukan bilangan lot kereta.

33

33

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

(Akta 133)

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TEMPAT-TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1995

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-undang Kecil berikut: Akta 133

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan (Tempat-tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kulim) 1995** dan hendaklah dipakai di kawasan Majlis Daerah Kulim sahaja. Nama pemakaian dan mula berkuat kuasa.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain— Telah

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kulim;

“Kumpulan Wang Majlis” ertinya Kumpul Wang Majlis Daerah Kulim;

“tempat letak kereta” termasuk letak motokar, lori, motosikal dan basikal lorong-lorong peredaran di dalamnya, tetapi tidak termasuk dermaga, lerengan-lerengan, akses-akses dari jalan kedua-dua bangunan dan ke tempat letak kereta atau tempat-tempat lain bagi memuat atau memunggah barang-barang di dalamnya;

3. Tiada pelan-pelan bagi mendirikan atau membina semula mana-mana bangunan yang direkabentuk atau yang dicadangkan untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam ruangan (1) Jadual Pertama boleh diluluskan dan tiada keulusan boleh diberi bagi apa-apa penukaran kegunaan mana-mana bangunan yang menghendaki peruntukan tempat letak kereta melainkan peruntukan adalah dibuat dalam pelan-pelan bagi tempat letak kereta di dalam bangunan yang dicadangkan atau dalam kawasan sekitarnya dan bilangan lot letak kereta yang disediakan di dalamnya hendaklah tidak kurang daripada bilangan yang dikehendaki sebagaimana yang dinyatakan dalam ruangan (2) Jadual Pertama; Tempat letak kereta hendaklah disediakan.

Dengan syarat bahawa dengan mengambil kira kepada pergerakan lalulintas di dalam suatu tapak tertentu dan kepada kapasiti jalan-jalan di sekeliling tapak tersebut, Majlis boleh, pada budbicaranya, meluluskan di suatu tapak pilihan di sekitar bangunan yang dicadangkan itu suatu tempat letak kereta dari saiz yang sama, dan Majlis boleh meluluskan mana-mana bagi mendirikan atau membina semula atau boleh meluluskan penukaran memperuntukkan tempat letak kereta di tapak pilihan yang berkenaan;

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa kawasan-kawasan tambahan yang berasingan bagi meletak motosikal atau basikal atau kedua-duanya bersamaan dengan sepuluh peratus daripada jumlah bilangan

lot letak kereta (termasuk lorong-lorong peredaran tetapi tidak termasuk akses-akses) boleh dikehendaki diperuntukkan bagi tiap-tiap bangunan tetapi Majlis boleh, pada budibicaranya, mengeneipkan kehendak ini bagi jenis-jenis bangunan tertentu dan di bawah apa-apa keadaan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kehendak-kehendak minimum.

4. (1) Majlis boleh, dalam menentukan bilangan lot-lot letak kereta yang dikehendaki disediakan di bawah Undang-undang Kecil ini, mengambil kira kepada dimensi minimum lot-lot letak kereta, lorong-lorong peredaran dan semua kehendak-kehendak lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jika dikehendaki oleh Majlis supaya suatu pelan susunatur tempat letak kereta disediakan, ianya hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan pelan-pelan bagi bangunan tersebut dan pelan susunatur itu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak minimum yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua.

Sumbangan kewangan sebagai ganti peruntukan tempat letak kereta.

5. (1) Jika Majlis berpuas hati berkenaan dengan mana-mana tapak tertentu dengan mengambil kira keadaan pergerakan lalu lintas, kapasiti jalan-jalan di sekeliling, pembangunan masa depan dan kegunaan tanah yang sedia ada di tapak yang tertentu bahawa ianya tidak suai manfaat atau tidak praktikal untuk menyediakan suatu tempat letak kereta menurut Undang-undang Kecil 3 Majlis boleh, menurut budibicaranya yang mutlak dan tertakluk kepada perenggan (20), meluluskan pelan-pelan itu jika tuan punya bangunan yang dicadangkan itu bersetuju membayar kepada Majlis sejumlah wang yang ditentukan menurut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga sebagai ganti peruntukan tempat letak kereta tersebut.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam perenggan (1), berhubungan dengan bangunan yang disebut di bawah butiran 2 (ii), (iv), (vi), (vii) dan (viii) dalam Jadual Pertama tuan punya hendaklah menyediakan 50% daripada jumlah tempat letak kereta yang dinyatakan.

(3) Semua wang yang diterima di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Majlis.

(4) Sumbangan ini boleh dibayar balik jika tuan punya kemudiannya telah menarik balik projek yang dicadangkan itu.

(5) Pembayaran sumbangan ini tidaklah melayakkan tuan punya untuk memiliki atau merizab kegunaan mana-mana tempat letak kereta tepi jalan raya atau tempat letak kereta awam.

Tempat letak kereta tidak boleh dihalang, dikurangkan, ditukar atau dibina di atasnya.

6. Apabila suatu tempat letak kereta telah disediakan menurut Undang-undang Kecil ini, tiada sesiapa boleh, tanpa kelulusan Majlis terlebih dahulu—

(a) membuat sesuatu yang boleh menghalang atau mengurangkan tempat letak kereta yang dikehendaki itu atau membuat ianya atau mana-mana bahagiannya tidak dapat digunakan bagi meletak kereta; atau

(b) menukar mana-mana tempat letak kereta kepada kegunaan-kegunaan lain, atau meminda/membinanya semula supaya mana-mana bahagiannya tidak boleh digunakan bagi meletak kereta; atau

(c) jika tempat letak kereta tersebut adalah dalam kawasan bangunan itu atau di atas tanah kosong yang disediakan di sekitar bangunan itu dibuat binaan di atasnya,

melainkan kemudahan-kemudahan pilihan atau yang diluluskan bagi meletak kereta telah disediakan.

7. Atas permohonan tuan punya bangunan yang dicadangkan itu, Majlis Penepian boleh, pada budibicaranya, mengeneipkan pelaksanaan peruntukan-peruntukan terdahulu Undang-undang Kecil ini jika bangunan-bangunan tersebut yang hendaklah didirikan, dibina semula atau ditukar kegunaannya termasuk di dalam salah satu kategori-kategori berikut:

(a) bilangan lot-lot letak kereta yang dikehendaki bagi bangunan tersebut kurang daripada satu; atau

(b) jumlah keluasan lantai di semua tingkat bangunan tersebut adalah tidak melebihi 92.9 m²; atau

(c) penukaran kegunaan adalah hanya berkenaan dengan suatu rumah kedai dua tingkat, sama ada pada satu atau kedua-dua tingkat tersebut; atau

(d) penukaran kegunaan adalah hanya berkenaan dengan suatu rumah kedai; dengan syarat bahawa keluasan lantai maksimum yang penukaran kegunaan itu dipohon adalah tidak melebihi jumlah keluasan lantai tingkat bawah rumah kedai tersebut.

8. Bagi maksud mengira jumlah keluasan lantai dalam menentukan bilangan lot-lot letak kereta yang dikehendaki, keluasan lantai yang digunakan sebagai tangga, lif, loji penyaman udara, substesen Tenaga Nasional Berhad dan mana-mana kegunaan lain yang serupa adalah tidak dikira.

Luasan lantai yang tidak dikira dalam menentukan bilangan lot kereta.

JADUAL PERTAMA
(Undang-Undang Kecil 3)

Maksud Bangunan

Bilangan Lot Letak Kereta
Yang Diperlukan

1. Kawasan Perumahan;

(i) Rumah Pangsa Kos Rendah

1 petak letak kereta bagi 2 unit kediaman + 10% dari jumlah petak untuk pelawat.

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
(ii) Rumah Pangsa Sederhana	<p>Petak letak motosikal adalah 30% daripada jumlah petak letak kereta.</p> <p>1 petak letak kereta bagi 1 unit + 10% dari jumlah petak tersebut untuk pelawat.</p>
(iii) Apartment Mewah/ Kondominium	<p>Petak letak motosikal adalah 20% daripada jumlah petak letak kereta.</p> <p>1.5 petak letak kereta bagi 1 unit kediaman + 10% dari jumlah petak tersebut untuk pelawat.</p> <p>Petak letak motosikal 10% daripada jumlah petak letak kereta.</p>
2. Kawasan Pemiagaan:	
(i) Rumah Kedai	<p>1 petak letak kereta bagi 46.4m² (500 k.p.)</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 278.7m² (3,000 k.p.)</p>
(ii) Emporium, Pasaraya, Aked, Pusat membeli-belah, Butik Studio Fesyen dan Pusat pembangunan pemiagaan komprehensif	<p>1 petak letak kereta setiap 46.4m² (500 k.p.) ruang lantai.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 278.7m² (3,000 k.p.)</p>
(iii) Restoran, bar, cafe, kedai kopi, kelab malam dan dewan tarian	<p>1 petak letak kereta bagi setiap 23.2m² (250 k.p.) ruang lantai.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 46.4m² (500 k.p.)</p>
(iv) Hotel, rumah tumpangan dan asrama-asrama—	
(a) Bilik tidur	<p>1 petak letak kereta bagi 3 bilik untuk 60 bilik pertama dan 1 petak bagi 5 bilik selebihnya.</p>

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
(b) Aked membeli-belah pejabat-pejabat perdagangan	<p>1 petak letak kereta bagi setiap 46.4m² (500 k.p.) ruang lantai + 10% daripada jumlah letak kereta untuk pelawat.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 46.4m² (500 k.p.)</p> <p>Petak letak bas minima 1 petak.</p>
(c) Kawasan makan, restoran, kelab malam/disko, bar awam, bilik istirahat, koktail, kafetaria, kedai makanan panggang	<p>1 petak letak kereta bagi setiap 23.2m² (250 k.p.) ruang lantai.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 46.4m² (500 k.p.)</p>
(d) Dewan persidangan, auditorium, bilik seminar, panggung-panggung, dewan pameran dan balai seni	<p>1 petak letak kereta bagi setiap 8 tempat duduk.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 10 unit tempat duduk.</p>
(v) Auditorium dan Dewan Perhimpunan (termasuk dewan perhimpunan untuk kelab, bangunan pertubuhan dan lain-lain)	<p>(a) Dengan tempat duduk tetap— 1 petak tempat letak kereta bagi setiap 25 tempat duduk.</p> <p>(b) Tanpa tempat duduk tetap— 1 petak tempat letak kereta bagi setiap 23.2m² (250 k.p.) ruang lantai.</p>
(vi) Ruang bowling	2 petak letak kereta bagi 1 lorong.
(vii) Pasar/Pasar Mini	<p>1 petak letak kereta bagi setiap 23.2m² (250 k.p.) ruang lantai.</p> <p>1 petak letak motosikal untuk setiap 46.4m² (500 k.p.)</p> <p>Petak letak lori minima 3 petak (3m x 9m).</p>

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
3. Industri:	
(i) Bangunan-bangunan industri	1 petak letak kereta bagi setiap 464.5m ² (5,000 k.p.) ruang lantai.
(ii) Stor industri	1 petak letak lori bagi setiap 464.5m ² (5,000 k.p.) ruang lantai.
(iii) Pejabat-pejabat	1 petak letak kereta bagi setiap 46.4m ² (500 k.p.) ruang lantai + 10% daripada jumlah petak letak kereta untuk pelawat.
4. Institusi Pelajaran:	
(i) Tadika	1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan + 1 bagi setiap 10 orang murid.
(ii) Sekolah Rendah	1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan.
(iii) Sekolah Menengah	1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan atau guru.
	1 petak motosikal bagi setiap 20 orang pelajar.
(iv) Sekolah Teknikal, Vokasional dan lain-lain institusi	1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan + 2 petak bagi setiap 100 orang pelajar.
	1 petak motosikal bagi setiap 10 orang pelajar + 10% dari jumlah yang dikehendaki.
(v) Institusi Pengajian Tinggi	1 petak letak kereta bagi setiap 2 kakitangan/pensyarah + 1 petak setiap 20 orang pelajar.
	1 petak motosikal setiap 10 orang pelajar + 10% dari jumlah petak motosikal.

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
5. Institusi:	
(i) Hospital	1 petak letak kereta bagi setiap 8 katil + 1 petak bagi setiap 3 kakitangan.
(ii) Hospital Swasta/Pusat	1 petak letak kereta bagi setiap 5 katil + 1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan.
(iii) Rumah orang tua/Rumah Kebajikan	1 petak letak kereta bagi setiap 3 kakitangan.
(iv) Asrama dan Kelab Belia	1 petak letak kereta bagi setiap 3 bilik.
(v) Perpustakaan/Pusat Buku, Dewan orang ramai/ Dewan Bandaran, Dewan Pameran, Mahkamah dan Muzium	1 petak letak kereta bagi setiap 92.0m ² (1,000 k.p.) ruang lantai.
6. Kawasan Rekreasi/Lapang:	
(i) Taman Rekreasi, Taman Bunga Padang Permainan, Taman Kanak-kanak dan Padang Golf	<p>(a) Luas kawasan kurang 0.40 hektar (1 ekar)— 1 petak letak kereta bagi setiap 139.4m² (1,500 k.p.)</p> <p>(b) Luas kawasan 0.41-2.02 hektar (1-5 ekar)— 1 petak letak kereta bagi setiap 464.5m² (5,000 k.p.).</p> <p>(c) Luas kawasan lebih dari 2.02 hektar (5 ekar)— 1 petak letak kereta bagi setiap 929.4m² (10,000 k.p.).</p>
(ii) Kolam Renang Awam	1 petak letak kereta bagi setiap 25m ² (269 k.p.) termasuk restoran dan bar.
(iii) Gelanggang squash/Tenis	2 petak letak kereta bagi setiap 1 gelanggang.

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
(iv) Stadium yang mempunyai Kelab	1 petak letak kereta bagi setiap 92.9m ² (1000 k.p.) ruang lantai.
7. Bangunan Agama:	
(i) Masjid, Tokong dan Gereja	1 petak letak kereta bagi setiap 46.5m ² (500 k.p.) luas ruang lantai.
	1 petak letak motosikal untuk setiap 46.4m ² (500 k.p.).
(ii) Ruang pengkebumian	1 petak letak kereta bagi setiap 46.5m ² (500 k.p.).

JADUAL KEDUA
(Undang-Undang Kecil 4)

1. Tinggi bersih alang di sebelah bawah ke aras tingkat letak kereta	2.29 meter.
2. Lebar lerengan atau lebar akses (tanpa lot-lot letak kereta di kedua-dua belah):	
(a) Akses rata sehala	3.05 meter.
(b) Lerengan sehala	3.66 meter.
(c) Akses dan lerengan dua hala	5.49 meter.
3. Kecerunan lerengan	
	(a) lerengan pendek: 1 dalam 10.
	(b) lerengan panjang (tingkat ke tingkat): 1 dalam 10.
	(c) lerengan letak kereta: 1 dalam 20.
	(d) kecerunan maksimum lerengan berkeliling:

*Maksud Bangunan**Bilangan Lot Letak Kereta
Yang Diperlukan*

Lerengan Dalam tepi Luar tepi
Sehala 1 : 7 1 : 11

Dua hala—

(a) Lorong 1 : 7 1 : 11
dalam

(b) Lorong 1 : 17 1 : 15
luar

Kecerunan itu adalah dibahagi dua bagi 3.35 meter pada jalan masuk ke tiap-tiap tingkat.

4. Kelengkongan lerengan:

(a) lerengan sehala

(i) jejari dalam 6.10m minimum.

(ii) jejari luar 10.06m minimum.

(b) lerengan dua hala

(i) jejari paling dalam 6.10m minimum.

(ii) jejari paling luar 13.41m minimum.

5. Jarak aras dari lerengan ke tempat letak kereta atau dinding-dinding

6.10 meter.

6. Jarak dari hujung lerengan ke tempat letak kereta atau dinding-dinding:

(a) lerengan sehala

6.71 meter.

(b) lerengan dua hala

8.53 meter.

7. Garisan-garisan pandang untuk jalan keluar


Tiada dinding atau lain-lain halangan yang tinggi lebih daripada 0.6 meter dari aras tanah boleh dibenarkan bagi suatu jarak 6.10 meter dari hujung aras lorong keluar.

<i>Maksud Bangunan</i>	<i>Bilangan Lot Letak Kereta Yang Diperlukan</i>
8. Dimensi minimum tempat letak kereta bagi motokar	Seperti diperuntukkan dalam Rajah A hingga Rajah M.
9. Bulatan pusing (hendaklah disediakan jika akses dan lerengan adalah tidak ditempatkan di hujung-hujung tempat letak kereta)	10.67 meter garispusat (minimum).
10. Lif-lif motokar.	
(a) Dimensi	5.49 meter x 2.74 meter minimum.
(b) Kelajuan	12.19 meter seminit.
(c) Kehendak-kehendak	(i) hendaklah mematuhi semua kehendak-kehendak Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Bekalan Elektrik dan (ii) suatu ruang menanti sebanyak 10% dari jumlah kapasiti tempat letak kereta hendaklah disediakan di jalan-jalan bagi tempat letak kereta yang diberi khidmat lif sahaja.

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 5)

Dalam Kawasan Pusat Bandar	RM2,000 bagi tiap-tiap lot letak kereta yang tidak disediakan menurut Jadual Pertama.
Luar Kawasan Pusat Bandar	RM500.00 bagi tiap-tiap lot letak kereta yang tidak disediakan menurut Jadual Pertama.


RAJAH A: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SEHALA.



SUDUT LETAK KERETA 90°


SUDUT LETAK KERETA 60°

NOTA:



RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH B: - TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SEHALA.




SUDUT LETAK KERETA 30° LETAK KERETA SELARI

NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH C: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SEHALA.




SUDUT LETAK KERETA 45°

NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH D: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




SUDUT LETAK KERETA 90°




SUDUT LETAK KERETA 60°

NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH E: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH F: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH G: TEMPAT LETAK KERETA PADA SEBELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SAHALA.



RAJAH H: TEMPAT LETAK KERETA PADA KEDUA BELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SAHALA.



SUDUT LETAK KERETA 30°


SUDUT LETAK KERETA SELARI

NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH I: TEMPAT LETAK KERETA PADA KEDUA BELAHBAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK SAHALA.




NOTA:



RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH J: TEMPAT LETAK KERETA PADA KEDUA BELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




NOTA:




RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH K: TEMPAT LETAK KERETA PADA KEDUA BELAH BAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




SUDUT LETAK KERETA 30° SUDUT LETAK KERETA SELARI

NOTA:


 RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH L: TEMPAT LETAK KERETA PADA KEDUA BELAHBAHU JALAN DENGAN LALUAN TRAFIK DUA HALA.




SUDUT LETAK KERETA 45°

NOTA:



RUANG PENANAMAN POKOK

RAJAH M: TEMPAT LETAK KERETA PADA JALAN MATI
(CUL-DE-SAC).



Diperbuat pada 30 Mac 1994,
[Bil. MDK 900 Jld. 5 (26).]

HAI HASHIM BIN HAI ISMAIL,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim

Diluluskan pada 13 Mac 1997.
[PSU(K) 88/1370 Jld. 4 Sk. 20.]

HAI SULAIMAN BIN HAI DAUD,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
(Act 133)

BUILDING (PARKING PLACES FOR VEHICLES)
(KULIM DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1995

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Parking place to be provided.
4. Minimum requirements.
5. Financial contribution in lieu of provision of parking place.
6. Parking place not to be obstructed, reduced, converted or built over.
7. Waiver.
8. Exclusion of floor areas in determining number of parking lot.